



# KERATAN AKHBAR

جاتن کاکین شریعہ ملaysia  
**JSM**  
SYARIAH ASAS KEDAIAN

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input checked="" type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input type="checkbox"/> PELBAGAI	20/10/2023

CATATAN

Harian Metro | Jumaat 20.10.2023

@hmetromy

Oleh Aizat Sharif  
am@hmetro.com.my

## Kangar

**K**ehadiran ‘orang ketiga’ dalam rumah tangga, suami tidak romantik dan isteri meluahkan permasalahan rumah tangga di media sosial antara faktor moden membawa kepada penceraian di Perlis.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs), Muhammad Hafeez Abu Seman berkata, purata sekitar 1,000 fail kes baru penceraian dibuka JAIPs setiap tahun.

“Peningkatan ini memang berlaku setiap tahun dan bukan sahaja di Perlis tetapi di negeri lain juga. Kita buka fail penceraian baru secara purata sebanyak 1,000 kes setahun.

“Jika dahulu, kita lihat penceraian di Perlis ini banyak dipengaruhi faktor tradisi seperti suami tidak beri nafkah atau suami terabit dalam gejala penagihan ketum atau najis dah-dah.

“Namun mutakhir ini



PENOLONG pendaftar perkahwinan yang menerima tauliah, semalam.

## ANTARA FAKTOR PENCERAIAN DI PERLIS

# Suami tidak lagi romantik!

puncu penceraian dan permasalahannya agak kompleks termasuk kehadiran ‘orang ketiga’ dalam rumah tangga.

“Selain itu faktor suami tidak romantik dan isteri luah masalah di media sosial juga akhirnya menyebabkan institusi kekeluargaan yang dibina itu akhirnya runtuh yang mening-

katkan lagi kepada masalah penceraian di Perlis,” katanya selepas Muzakarah Penolong Pendaftar Perkahwinan Orang Islam Negeri Perlis Tahun 2023 dengan tema Orang Ketiga di Kelab Golf Putra, Sungai Batu Pahat di sini, semalam.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Setiausaha

Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Yusran Shah Mohd Yusof.

Katanya, dalam mengatasi masalah ini seharusnya suami dan isteri mengetahui tanggungjawab masing-masing kerana segala perbuatan dan perlakuan dalam rumah tangga ini akan disoal kelak di akhirat.